

## Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) Beracuankan Islam Melalui Teori `Umran

Muhd. Abdul Afiq Bin Muhd Sahari  
Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
aqibsahari@gmail.com

Prof. Dr. Haji Mahayuddin bin Yahaia  
Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali.  
mahayuddin.yahaia@unissa.edu.bn

Vol.1, Issue 1 | January 2018

### KATA KUNCI

Falsafah Melayu Islam  
Beraja, Teori Umran,  
Acuan Islam

### ABSTRAK

Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) diistiharkan dan dimasyhurkan sebagai konsep aspirasi nasional yang unik, dinamik, progresif dan bersepadu yang dengan jelas menunjukkan bahawa Melayu, Islam dan Beraja akan dijadikan oleh negara sebagai dasar negara di dalam berfikir, bertindak, menilai dan merancang keseluruhan hidup berbangsa, bernegara dan beragama. Melalui konsep dan dasar ini, kita dapat menentukan dan menitik-beratkan kesesuaian sesuatu pembangunan yang hendak dilaksanakan iaitu bersesuaian dengan calak kebruneian dan pemerintahan beraja serta yang paling penting tidak bercanggah dengan hukum dan peraturan Allah Subhanahu Wata'ala. Di samping itu, MIB juga merupakan asas untuk integrasi kebangsaan Brunei dan dijadikan sumber rujukan, panduan serta idea untuk pembentukan calak identiti kebruneian. Konsep MIB juga menegaskan bahawa negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang mengutamakan dan melaksanakan nilai-nilai Islam yang benar dengan mengekalkan sistem pemerintahan Melayu yang dipimpin oleh Sultan dan nilai-nilai luhur bangsa Melayu, bahasa, adat resam dan kebudayaan Melayu yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Falsafah MIB dilihat mempunyai persamaan dan dapat dikaitkan serta digabungkan dengan teori umran kerana kedua-duanya dilihat dapat saling bantu-membantu diantara satu sama lain iaitu falsafah MIB bertindak sebagai dasar negara manakala teori umran bertindak sebagai acuan pembangunan negara. Teori umran yang bertindak sebagai acuan pembangunan ini mampu menguatkan lagi dasar negara dan sama sekali tidak menggugat apa-apa jua yang telah diterapkan di dalam falsafah MIB. Kesepaduan yang diterapkan melalui konsep MIB yang bertindak sebagai dasar dan teori umran yang bertindak sebagai acuan semestinya akan membawa kepada kemakmuran berbangsa, bermasyarakat, beraja, beragama dan bernegara serta akan mampu mewujudkan kemakmuran alam sejagat.

### Pendahuluan

**Melayu dalam MIB:** Pengertian Melayu membawa maksud bahawa Brunei Darussalam adalah sebuah Negara Melayu yang di dalamnya terdapat satu masyarakat yang bersatu-padu dan mengamalkan nilai-nilai luhur kebudayaan Melayu dan identiti kebruneian yang menjadikan Islam sebagai panduan

dan teras utama. Melayu dalam MIB juga memberi makna penzahiran dan pengukuhan nilai-nilai luhur, adat resam dan kebudayaan melayu. Unsur Melayu juga dilihat daripada pelbagai aspek termasuk sumbangan orang melayu melalui idea dan tenaga kerja terhadap pembangunan negara di dalam semua bidang sama ada yang berkaitan dengan bidang

politik, teknologi maklumat, perekonomian, perdagangan, pendidikan, perusahaan, kebudayaan, penguasaan sains dan teknologi yang dapat memperlihatkan dan menonjolkan bahawa orang-orang Melayu mampu dan berupaya untuk meningkatkan diri, berinovasi, kreatif, berani dan mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Ini menunjukkan bahawa Negara Brunei Darussalam menginginkan kesinambungan bersepadu yang mana unsur melayu yang dominan ini tidak boleh disalah tafsir dan bukan satu pernyataan yang menjurus kepada anti bukan Melayu tetapi untuk menunjukkan kesebatian bangsa Melayu yang menjadi pribumi ini telah wujud sekian lama. Untuk mengukuhkan lagi hujah ini, bangsa Melayu sememangnya dilihat sentiasa menjalinkan hubungan muhibah atas dasar saling hormat-menghormati dengan bangsa lain dengan penuh harmoni.

**Islam dalam MIB :** Agama Islam sifatnya adalah sempurna dan peranan utamanya ialah mengatur sistem kehidupan dan penghidupan di dalam semua aspek sama ada sebagai individu ataupun masyarakat di dalam pelbagai hubungan antaranya hubungan manusia dengan Allah, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekeliling. Ini menunjukkan bahawa segala aspek yang diterapkan di Brunei adalah sentiasa tertakluk kepada hukum dan etika Islam. Islam adalah teras utama di dalam falsafah Melayu Islam Beraja yang akan menonjolkan nilai-nilai dan unsur-unsur kebaikan, kebajikan dan bermanfaat bagi semua lapisan rakyat sama ada orang Islam atau bukan Islam yang terjalin di dalam suasana yang aman, sejahtera dan saling hormat-menghormati. Islam dalam MIB juga memberi maksud bahawa Islam adalah agama rasmi negara. Pengakuan Islam sebagai agama rasmi negara sememangnya menunjukkan dan menegaskan bahawa Islam adalah sistem yang memandu kehidupan dan hala tuju raja, rakyat dan pembangunan di negara ini. Salasilah Raja-Raja Brunei yang terdapat pada Batu Tarsilah di Makam Diraja, Bandar Seri Begawan yang ditulis oleh Khatib Haji Abdul Latif (1221H/1807M) menyatakan:

Maka adalah yang pertama kerajaan di negeri Brunei dan membawa ugama Islam dan mengikut shariat Nabi kita Muhammad *Shallallahu 'alaihi Wasallam* di negeri Brunei iaitu Paduka Seri Sultan Muhammad.

Dengan wujudnya Islam sebagai teras utama, penegasan bahawa Raja adalah ketua negara, ulil amri dan payung Allah *Subhanahu Wata'ala* dimuka bumi Brunei yang menjalankan syariat Islam dan masyarakat melayu sebagai rakyat bertindak mendukung dan menyokong kewujudan raja dan kedaulatan baginda terutama dengan wujudnya nilai taat-setia kepada raja sebagai ulil-amri bagi rakyat dan penduduk yang bermastautin di negara ini.

**Beraja dalam MIB:** Pengertian beraja bermaksud sistem kerajaan atau pemerintahan beraja, sistem rakyat mempunyai raja dan rakyat perlu taat dan setia kepada raja yang mana titah raja mesti dijunjung dan dilaksanakan. Sistem beraja juga menunjukkan kerajaan bersultan dan beraja. Brunei Darussalam sebagai sebuah kesultanan Melayu Islam telah memilih corak pemerintahan negara beraja sejak mula ia mengenal Islam secara rasmi iaitu sejak pemerintahan Sultan Muhammad Shah. Raja atau Sultan adalah pemimpin, pentadbir dan penaung kepada kemaslahatan rakyat di Brunei. Salah satu faktor utama yang menyebabkan keutuhan sistem beraja di Brunei ialah dengan wujudnya kesepakatan, kesatuan dan perpaduan di hati rakyat Brunei itu sendiri. Raja dalam Islam adalah pemegang amanah besar yang mengendalikan dan menjalankan sistem kerajaan dan pemerintahan dengan cara yang adil dan saksama serta penuh ihsan menurut landasan-landasan hukum dan peraturan Allah *Subhanahu Wata'ala*. Ini kerana kuasa memerintah itu adalah kurnia dan amanah dari Allah Subhanahu Wata'ala. Pemerintahan beraja di dalam MIB ini juga adalah penegasan dan pengukuhan sistem pemerintahan melayu dengan kuasa pemerintahan yang tertinggi terletak di tangan Sultan yang berdaulat.

#### **Rumusan Melayu Islam Beraja**

Melayu Islam Beraja merupakan falsafah negara Brunei Darussalam yang membawa erti bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang berpandukan kepada ajaran-ajaran Islam yang mana sultan atau raja sebagai pemerintah tertinggi negara. Ini berdasarkan undang-undang perlembagaan Negeri Brunei 1959, Pemasyuhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja dan Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961. Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja telah bermesyuarat mengenai rumusan takrif Melayu Islam Beraja dan berdasarkan pandangan yang di buat oleh Kementerian Undang-Undang, maka perbincangan tersebut telah merumuskan bahawa Melayu Islam Beraja mempunyai tiga unsur komponen penting atau integral yang memperakui:

Melayu: Hak bangsa Melayu yang terdiri daripada tujuh puak jati bangsa Melayu yang dinamik dan dominan menjadi sandaran kehidupan beraja, berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara. Menurut Undang-Undang Taraf kebangsaan Brunei 1961, tujuh puak jati dari bangsa Melayu Brunei ialah Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

Islam: Agama rasmi negara menurut akidah Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Shafi'e yang dihayati menjadi cara hidup yang lengkap, sempurna dan unggul.

Beraja : Pemerintahan Beraja iaitu Sultan selaku pemimpin dan penaung kepada rakyat, baginda memegang amanah Allah bagi menjalankan kuasa tertinggi memerintah negara.

### Konsep dan peranan falsafah MIB

Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) merupakan konsep nasional yang menjadi kebanggaan dan kemegahan negara kerana ia berjaya melahirkan sebuah kerajaan Islam tulen yang memerintah di negara ini sejak berabad-abad lamanya dari dahulu hingga sekarang yang bernaung di bawahnya pelbagai kaum, bangsa dan agama yang telah diberikan layanan yang adil lagi saksama. Negara Brunei Darussalam mengalami pelbagai zaman di dalam menegakkan dan memperkasakan MIB yang bermula daripada zaman pengasasan, zaman keemasan, zaman ujian dan ketahanan, zaman pemulihan dan akhirnya sampai ke zaman penegakan yang membawa kepada satu calak identiti kebruneian yang bersepadu. Konsep nasional MIB ini telah dimasyhurkan dan diisytiharkan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah sendiri sempena hari yang bersejarah iaitu hari pemasyhuran kemerdekaan Brunei pada 1 Januari 1984, antaranya:

Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Ujama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan kepada keadilan, ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat beta, dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atau dasar saling hormat menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dan campur tangan dari luar negeri

Melalui titah ini menunjukkan kepentingan MIB dan peranannya di dalam menjadi penentu calak Brunei di dalam semua perkara termasuk pembangunan. MIB juga menjadi norma dalam kehidupan berbangsa dan bernegara, garis panduan dalam pembentukan peribadi, perwatakan identiti dan juga menjadi asas perumusan dasar negara. Konsep MIB ini sememangnya menfokuskan mengenai tiga perkara utama iaitu Islam bertindak sebagai teras dan pemangkin, masyarakat Melayu Brunei sebagai penggerak dan Raja sebagai peneraju melalui sistem pemerintahannya. Fokus MIB ini sangat unik kerana menjadikan Islam sebagai teras yang mana mampu

menjadikan kedudukan MIB lebih kukuh untuk menjamin kelangsungan dan ketahanannya serta mampu berfungsi bagi mendokong raja dan rakyat Brunei di dalam menghadapi pelbagai dugaan dan rintangan yang dilalui secara khasnya dan mempertahankan kelangsungan serta kedaulatan negara Brunei Darussalam secara amnya. Gabungan daripada tiga perkara ini mampu mewujudkan sebuah kerajaan Islam yang terbaik, terunggul dan adil untuk menjaga kemaslahatan semua lapisan masyarakat dan penduduk di negara ini sama ada mereka beragama Islam ataupun tidak serta dapat menjadikan Brunei sebuah negara yang aman lagi makmur.

Brunei Darussalam telah mengambil satu langkah yang bijak dengan menjadikan falsafah MIB sebagai dasar negara untuk dijadikan panduan dan rujukan. Ini menunjukkan bahawa pembangunan yang dilaksanakan di Brunei bukanlah pembangunan yang sifatnya kosong tetapi pembangunan yang menerapkan hukum dan peraturan Allah *Subhanahu Wata'ala* untuk menentukan hala tuju raja dan rakyatnya. Pengamalan dan pengamatan falsafah MIB ini telah menjadikan Brunei sebuah negara makmur dan berdaulat yang akhirnya akan membawa ke mercu kejayaan yang direndhai Allah baik untuk duniawi mahupun ukhrawi. Ini bersesuaian dengan titah KDYMM Paduka seri Baginda dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidiladha 1417H/1997M pada 17 April 1997, antaranya:

Beta suka menegaskan bahawa ajaran-ajaran agama Islam akan tetap dihayati dan dipakai untuk memandu pembangunan ummah. Kerana kita adalah kurang yakin dengan kemajuan-kemajuan yang kosong dari agama, sekalipun ada orang lain yang tidak sependapat dengan kita

Konsep MIB ini dimasyhurkan adalah bertujuan untuk mengekalkan calak identiti kehidupan masyarakat di Brunei. MIB adalah sebahagian konsep dalam rangkaian aspirasi nasional yang menekankan konsep kenegaraan Brunei iaitu Brunei adalah negeri Melayu yang dibentuk dengan mendapat calaknya daripada unsur dan pengaruh Islam. Manakala rakyat berkerjasama dengan sistem pemerintahan beraja yang diperintah oleh sultan-sultan Melayu yang beragama Islam. Peranan utama MIB ialah mewujudkan sifat penyatuan dan perpaduan diantara raja dan rakyat ke arah melakukan kebaikan dan ketakwaan iaitu rakyat membantu raja dan raja membantu rakyat dengan Islam bertindak sebagai panduan iaitu penentu hala tuju di dalam pembangunan. Ini bersesuaian dengan firman Allah *Subhanahu wata'ala* dalam surah al-Maidah ayat dua :

﴿ وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ﴾

Maksudnya: *Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan*

MIB bukanlah satu konsep yang terbatas atau terhad tetapi ia merupakan satu konsep yang terbuka. Maksud terbuka di sini ialah peranan MIB itu meluas dan perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya di segenap ruang dan peluang bagi memastikan matlamat yang dituju terlaksana sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Ini selari dengan hasrat dan titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena majlis pertandingan membaca al-Quran bahagian dewasa peringkat kebangsaan 1411H/1991M pada 12 Julai 1991, antaranya:

Kita masih sahaja terus terbuka, iaitu tidak menolak sebarang unsur atau nilai yang baik sama ada datang dari Asia ataupun dari Barat. Cuma ukuran kebaikan itu bagi kita ialah ukuran Brunei yang hanya menerima nilai-nilai sesuai dengan kita sahaja.

Apa yang dapat disimpulkan ialah konsep MIB tidak menolak idea, usaha dan strategi yang cuba diterapkan di Brunei tetapi semua itu mestilah mengambil kira nilai-nilai MIB yang kita pegang selama ini. Konsep MIB ini sangat bersesuaian dan selari dengan Islam kerana Islam membenarkan umatnya mencontohi atau mempraktikkan perkara-perkara yang baik dan bersesuaian demi menjaga kemaslahatan semua selagi mana perkara itu tidak bertentangan dengan hukum dan peraturan Allah *Subhanahu Wata'ala*. Ini membuktikan bahawa konsep MIB sebagai dasar pembangunan di Brunei sangat relevan dan peranan yang dimainkan melalui konsep MIB menjurus kepada keseimbangan dan kesepaduan yang natijahnya membawa kepada kemakmuran dan kesejahteraan hidup bermasyarakat dan bernegara.

Contoh: Teknologi, kemudahan ini sememangnya wujud dan ditimbulkan oleh para pakar diluar sana dan diterapkan serta digunakan di Brunei bagi memudahkan lagi pelaksanaan pembangunan di Brunei. Semakin lama semakin rancak kemudahan teknologi bertapak di Brunei dan penggunaannya telah hampir merangkumi semua aspek dan bidang untuk memudahkan lagi proses pembangunan itu dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa Brunei sememangnya terbuka kepada nilai dan unsur yang datang dari luar tetapi keterbukaan itu tetap ada batasnya iaitu masih saja menerapkan falsafah MIB sebagai panduan bagi mengawal apa jua unsur dan nilai yang tidak baik atau tidak bersesuaian untuk diketepikan terutama yang berkaitan dengan nilai-nilai Islam. Manakala nilai dan unsur yang baik diambil, dikaji, diterapkan dan dipraktikkan mengikut kesesuaian tetapi masih juga diberi perhatian yang sewajarnya supaya ia sentiasa berada dilandasan yang lurus dan betul serta tidak bercanggah dengan falsafah MIB terutama perkara

yang berkaitan hukum dan peraturan Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Falsafah MIB menjadi falsafah Negara adalah berasaskan kepada warisan sejarah kesultanan Brunei yang wujud sejak penubuhan kesultanan Melayu Brunei yang pertama pada pertengahan kedua abad ke-14 Masihi lagi. Pemasyhuran kemerdekaan dengan dasar dan falsafah MIB menunjukkan bahawa Brunei kembali kepada sejarah pengislaman Brunei yang memilih gelaran Sultan yang bertanggungjawab dalam urusan agama dan negara. Sejak daripada itu, raja-raja Brunei memerintah menurut ajaran dan hukum Islam. Manakala bangsa Melayu sebagai rakyat kekal beramal dengan ajaran Islam dengan beridentitikan keislaman dan kebruneian. Falsafah MIB juga menunjukkan Brunei Darussalam adalah sebuah kerajaan Melayu Islam yang bersultan dan beraja yang mampu mewujudkan sebuah kerajaan Islam yang adil bagi semua lapisan masyarakat. Ini ada dinyatakan oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antaranya:

Konsep Melayu Islam Beraja ini sebenarnya bukan konsep baharu, tetapi sudah lahir semenjak beberapa abad lagi. Ianya tidak lebih daripada menunjukkan bentuk dan corak sesebuah kerajaan Brunei Darussalam yang tulen, kerajaan Melayu Islam yang bersultan dan beraja, dan sebagai sifatnya sebuah kerajaan Islam, maka ia adalah terbaik dan terunggul serta paling adil terhadap semua lapisan masyarakat dan penduduk di negeri sama ada mereka itu beragama Islam atau pun tidak.<sup>1</sup>

Menurut pandangan Pengiran Dato Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman bahawa salah satu faktor yang menyebabkan keutuhan sistem kesultanan ini ialah kerana wujudnya persatuan dan perpaduan di hati rakyat jelata untuk bernaung di bawah satu bendera iaitu Kesultanan Melayu Islam. Penubuhan kesultanan Melayu Islam yang telah menjadikan Islam teras utama negara banyak memberi impak yang besar kepada raja dan rakyat di Brunei. Ini dapat dibuktikan dengan wujudnya konsep taat-setia yang tidak berbelah bahagi kepada Sultan, iaitu konsep "Sultan tidak boleh zalim dan rakyat tidak boleh derhaka kepada Sultan". Konsep Sultan tidak berlaku zalim dan rakyat pula tidak menderhaka yang diterapkan di dalam falsafah MIB sememangnya telah wujud sekian lamanya dan masih lagi berterusan digunakan sehingga sekarang. Dalam erti kata lain, raja adalah payung rakyat dan rakyat sangat mementingkan hubungan dengan raja. Ikatan yang kukuh dan erat di antara raja dan rakyat yang berpandukan kepada Islam telah menghasilkan

<sup>1</sup> *Pelita Brunei*, 8 Ogos 1990, Hlm. 2.

kesinambungan yang bersepadu. Ini bersesuaian dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi daripada Ibnu 'Umar :

(( إن السلطان ظل الله في الأرض يأوي إليه كل  
مظلوم من عباده فإذا عدل كأن له الأجر وعلى  
الرعية الشكر ))<sup>2</sup>

Maksudnya: "Sultan itu (sebagai) naungan Allah di bumi. Setiap orang yang teraniaya dari hambaNYa (Allah) akan berlindung kepadanya (Sultan) maka jikalau raja itu adil adalah baginya ganjaran pahala dan rakyat hendaklah bersyukur".

Jika diamati dengan teliti, konsep taat-setia yang diterapkan di dalam falsafah MIB ini ada hubungkaitnya dengan Islam kerana konsep ini berasaskan Islam di mana raja mesti berlaku adil dan tidak menzalimi rakyat, sementara rakyat pula mestilah patuh kepada raja atau pemerintah selama mana pemerintahnya tidak menyuruh kepada melakukan maksiat dan kemungkaran. Bukti mengenainya ada tercatat di dalam sejarah iaitu melalui dasar negara yang terbentuk selepas pelantikan Abu Bakr radhiallahu 'anhu. Dasar tersebut ada menyebutkan mengenai ketaatan kepada pemerintah adalah satu tuntutan selagi pemerintah mentaati Allah dan apabila pemerintah mengingkari ketaatan kepada Allah maka tidak lagi menjadi kewajipan kepada rakyat mentaatinya. Semua ini adalah perintah yang ada dinyatakan di dalam al-Quran dan As-sunnah. Dalam Surah an-Nisa ayat 59 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ  
وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman taatilah Allah dan taatilah Rasul dan para pemimpin (ulil amri) daripada kalangan kamu".

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi Wasallam bersabda :

من أطاعني فقد أطاع الله، ومن عصاني فقد  
عصى الله، ومن يطع الأمير فقد أطاعني، ومن  
يعص الأمير فقد عصاني.<sup>3</sup>

Maksudnya: "Sesiapa yang mentaatiku sesungguhnya dia mentaati Allah dan sesiapa mengingkariku maka sesungguhnya dia mengingkari Allah, dan sesiapa mentaati pemimpin sesungguhnya dia mentaatiku dan sesiapa yang mengingkari pemimpin sesungguhnya dia mengingkariku".

<sup>2</sup> Hadith riwayat al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain al-Baihaqi. (1424H). *Shu'ab al-Iman*. No. Hadith: 6984. Riyadh: Maktabah al-Rushd. J.9. Hlm. 475.

<sup>3</sup> Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. *Sahih al-Bukhari*. No. Hadith: 7137. Jordan: Bait Afkar Ad-Dawliyyah. Hlm. 800.

Apa yang dapat difahami ialah MIB merupakan kesinambungan daripada Islam, rakyat dan raja. Ketiga-tiga ini memainkan peranan yang besar dan penting di dalam membina pembangunan bersepadu. Falsafah MIB sebagai dasar pembangunan negara adalah sangat relevan dan bersesuaian kerana peranan MIB mampu bertindak sebagai panduan dan rujukan raja dan rakyat di Brunei. Manakala konsep keterbukaan yang ada pada MIB menunjukkan bahawa Brunei tidak menolak perubahan yang berlaku kerana perubahan-perubahan tersebut ada kalanya sangat diperlukan oleh masyarakat dan negara tetapi apa yang penting dan dititik-beratkan ialah kesinambungan di dalam perubahan tersebut mestilah berasaskan hukum dan peraturan yang sudah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk manusia yang bertindak sebagai hambaNYa di muka bumi ini.

Hasil daripada kesinambungan yang diterapkan di dalam falsafah MIB secara tidak langsung telah berjaya membuktikan, mencerminkan dan menunjukkan imej Islam yang hakiki dan sebenar yang mana telah terbukti dengan adanya sebuah kerajaan Melayu Islam Beraja yang berdaulat sehingga ke hari ini. Diantara peranan utama yang berjaya diterapkan melalui konsep MIB di Brunei ialah nilai-nilai Islam diberi keutamaan dan dijadikan pasak atau teras negara, pengukuhan kedaulatan kesultanan Melayu Islam Beraja dan perpaduan masyarakat yang ada di Brunei tidak kira bangsa dan agama. Semua ini adalah berkat bagi Brunei yang menjadikan Islam sebagai teras utama di dalam falsafah MIB iaitu dalam erti kata lain Brunei tidak mengabaikan hubungannya dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan adanya jalinan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala, maka jaminan keamanan dan kedamaian pun akan terjalin.

### Teori Umran

Dari segi bahasa, 'umran terhasil dari kata akar 'a ma ra yang membawa maksud melimpah ruah dan kemakmuran disebabkan ramai penduduk dan banyak perusahaan perniagaan, perindustrian dan pertanian.<sup>4</sup> Dari kata akar yang sama lahir pula perkataan 'amir dan ma'mur bererti kawasan yang 'umran mempunyai penduduk yang ramai, berkembang maju, berilmu, berbudaya tinggi kerana adanya kerjasama dan kemuafakatan masyarakat serta keadilan di pihak pemerintah. Secara umum, dari segi bahasa merujuk kepada keadaan dan suasana yang aman makmur, maju, berilmu, kaya-raya, mewah, ramai penduduk, mempunyai peluang pekerjaan dan tidak wujud pengangguran.<sup>5</sup>

<sup>4</sup> Abd al-Sallam Harun. (1960-1961). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Mesir: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. Jilid 2. Hlm. 632-633.

<sup>5</sup> Ibid. Hlm 632-633.

Manakala dari segi istilah, 'umran mempunyai makna yang pelbagai dan makna tersebut bermula dengan perkataan tarikh (sejarah) diikuti 'ijtima' insani (kerjasama dan tindak-tanduk masyarakat dan diakhiri dengan 'umran (kemakmuran) sepertimana menurut Ibn Khaldun bahawa sejarah terjadi hasil tindak-tanduk masyarakat yang mencetuskan kemakmuran alam semesta.

Asas umran dibina atas tiga prinsip iaitu sejarah (tarikh), kerjasama masyarakat ('ijtima' insani) dan alam semesta (al-kawn). Daripada sejarah, kita dapat mengambil pengajaran, membuat kajian dan menilai untuk dijadikan panduan atau rujukan bagi memperbaiki kehidupan di masa akan datang. Kemudian insan adalah peneraju dan penggerak kepada pembaikan serta sikap kerjasama diantara mereka merupakan perkara utama di dalam menjayakannya. Pembaikan memerlukan kepada alam (al-kawn) kerana tanpa adanya alam semua perkara yang dilakukan tidak akan terhasil. Jika kita amati bersama tiga prinsip ini di dalam konteks pembangunan, kita akan dapati beberapa perkara utama yang perlu wujud untuk diambil perhatian iaitu:

Pertama : apa dasar, acuan dan rangka pembangunan? Melalui sejarah, kita dapat mengkaji terlebih dahulu apa dasar, acuan dan rangka pembangunan yang hendak dilaksanakan iaitu dengan mengambil ikhtibar dan pengajaran melalui pembangunan yang lalu dengan meneliti pembangunan yang telah dibina dan kesan daripadanya.

Kedua : Siapa peneraju dan penggerak kepada pembangunan dan apa sifat utama yang perlu dimiliki oleh mereka untuk menjayakannya? Peneraju dan penggerak bagi sesebuah pembangunan semestinya masyarakat, ini kerana manusia adalah khalifah di muka bumi ini dan dipertanggungjawabkan di dalam memakmurkan bumi. Manakala sifat utama bagi sebuah masyarakat yang membangun ialah berkerjasama antara satu dengan yang lain yang mana boleh menghasilkan suatu natijah yang besar lagi bermanfaat.

Ketiga : Apa yang hendak dibangunkan? Pembangunan semestinya memerlukan kepada alam semesta (al-kawn) kerana dengan wujudnya alam, maka wujudlah juga sistem bernegara, sistem ekonomi, penjagaan alam sekitar dan seumpamanya. Tanpa alam (al-kawn) semua ini tidak akan wujud dan pembangunan pasti tidak akan terhasil sama ada dari segi rohani mahupun jasmani.

Ini jelas menunjukkan bahawa ketiga-tiga elemen (sejarah, tindak-tanduk masyarakat dan alam) ini berinteraksi antara satu sama lain yang digerakkan oleh asabiah sehingga melahirkan dawlah dan kemakmuran. Melalui kaedah inilah Ibn Khaldun

mendefinisikan 'umran sebagai "suatu fenomena sosial yang digerakkan oleh sekumpulan masyarakat yang bekerjasama/bermuafakat di kawasan kota atau desa dalam sebuah negara yang berdaulat dan berpengaruh bagi tujuan memenuhi keperluan hidup yang selesa dan makmur sama ada dari segi rohani dan jasmani berpandukan agama dan akhlak serta hukum dan peraturan kejadian alam dan manusia ciptaan Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Al-Quran Al-Karim merupakan sumber utama teori umran dan dengan inilah konsep dan asas pembangunan Islam dibina. Al-Quran juga merupakan sumber segala ilmu termasuk ilmu pembangunan, ilmu sosiologi dan ilmu tarikh serta ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan kehidupan dan pembangunan. Aspek sejarah merupakan fokus utama al-Quran di mana tidak kurang 1/6% daripada ayat-ayat al-Quran mengenai kisah (sejarah) para nabi dan rasul serta umat-umatnya terdahulu. Melalui al-Quran juga lahirlah ilmu historiografi Islam yang membincangkan mengenai kepentingan sejarah dan kaitannya dengan pembangunan yang terhasil daripada kisah para nabi dan rasul bersama umatnya terdahulu. Melalui historiografi Islam, tercetuslah juga pemahaman baru mengenai sejarah terutama dari sudut konsep dan falsafahnya berdasarkan ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah serta syariat Islam yang juga menghasilkan teori umran. Menurut teori sains sosial dan kemanusiaan, pembangunan merupakan sebahagian daripada proses perubahan sosioekonomi yang menyeluruh bagi tujuan pembangunan masyarakat dan negara. Pembangunan menyeluruh ialah pembangunan yang terancang dan dirancang yang melibatkan pembangunan rohani dan jasmani. Pembangunan yang terancang dan dirancang memerlukan akal sebagai idea perancangan dan menjadikan al-Quran serta al-Sunnah sebagai panduan kepada perancangan akan menghasilkan pembangunan bersepadu yang membawa kepada kemakmuran sejagat kerana sebaik-baik perancang ialah Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Teori 'umran merupakan teori pembangunan islamik yang telah wujud sejak abad ke-14 masihi yang dicetuskan oleh pemikir Islam Ibn khaldun bagi memupuk kesedaran umat Islam untuk mengembalikan kekuatan umat Islam mengenai isu pembangunan menerusi idea-idea baru yang selari dengan ajaran-ajaran Al-Quran dan As-Sunnah. Teori ini adalah gabungan daripada ilmu sejarah, ilmu sosiologi dan ilmu alam tabi'e yang telah dijelaskan oleh Ibn Khaldun sendiri melalui nukilannya iaitu sejarah terjadi hasil tindak-tanduk masyarakat yang mencetuskan kemakmuran alam semesta. Teori ini merupakan teori global kerana fokusnya ialah alam sejagat yang terangkum di dalamnya pelbagai disiplin ilmu pengetahuan bagi menangani isu-isu global khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan. Teori ini mengambil kira tiga

aspek utama yang dijadikan asas iaitu sejarah, manusia dan alam seperti yang telah diterangkan sebelum ini.


Manusia merupakan kejadian Allah Subhanahu Wata'ala yang hidup berkelompok-kelompok dan berpuak puak (bermasyarakat) dan telah melahirkan sejarah untuk dijadikan ikhtibar bagi membina masa hadapan masyarakat dan negara melalui sistem politik, ekonomi dan sosial serta alam fizikal dengan berpandukan kepada hukum agama dan akhlak. Kemakmuran berpunca daripada fitrah kejadian alam dan manusia yang berinteraksi antara satu dengan yang lain menerusi hukum dan peraturan ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala supaya manusia boleh hidup serta melaksanakan tanggungjawabnya sebagai Khalifah Allah di muka bumi ini. Manusia dipertanggungjawabkan bagi mengurus kehidupan dan pembangunan masyarakat serta negara bagi tujuan untuk meraih atau mendapatkan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala. Alam semesta yang Allah ciptakan ini sentiasa bergerak dan beredar siang dan malam, hari demi hari, bulan demi bulan dan tahun demi tahun, dan peredaran ini berlaku mengikut ketentuan Allah melalui hukum dan peraturan ciptaanNya dan ia berlaku secara berterusan tanpa henti sehingga hari kiamat. Manusia adalah makhluk yang berinteraksi dengan alam tanpa henti menerusi hukum dan peraturan ciptaan Allah dan melalui ini terhasil teori umran untuk dijadikan acuan kepada metodologi pembangunan dan dapat diperkenalkan ke peringkat antarabangsa selari dengan perkembangan sains dan teknologi yang sedang berlaku pada hari ini.

Teori 'umran sangat relevan dan lestari di dalam konteks pembangunan Islam dalam era sains dan teknologi masa kini. Teori ini merupakan teori pembangunan bersepadu yang berlandaskan kepada Al-Quran dan As-Sunnah yang tidak dapat dinafikan kebenarannya. Al-Quran dan As-sunnah merupakan petunjuk-petunjuk yang holistik dan bersepadu di dalam memberikan kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat. Al-Quran dan As-Sunnah adalah sebenar-benar panduan di dalam kehidupan manusia termasuk di dalam membina pembangunan bersepadu yang mana di dalamnya merangkumi aspek-aspek pengimbangan di antara pembangunan rohani dan jasmani. Ini menunjukkan bahawa pembangunan yang bersepadu mesti beracukan kepada panduan yang bersepadu iaitu al-Quran dan as-Sunnah, yang mana semakin hampir kita kepada keduanya maka semakin hampir kita kepada kejayaan, kesejahteraan dan kemakmuran serta semakin jauh kita daripada kesesatan dan kehancuran seperti yang telah dinyatakan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi Wasallam dalam sebuah hadith riwayat al-Hakim daripada Abi Hurairah Radiallahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

إني قد تركت فيكم شيئين لن تضلوا بعدهما :  
كتاب الله وسنتي<sup>6</sup>

Mafhumnya: "Aku telah tinggalkan untuk kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selepasnya: Kitab Allah dan Sunnahku".

Teori 'umran tidak menafikan kemudahan sains dan teknologi bagi membantu manusia di dalam aspek yang tertentu untuk membina pembangunan. Untuk membuktikan lagi keberkesanan teori 'umran, diwujudkan atau diperkenalkan konsep segi tiga sebagai satu konsep yang bersifat umum dan universal sama ada ia digunakan bagi pengkajian, penilaian atau penelitian terhadap idea, strategi dan usaha yang dilaksanakan bagi menghasilkan pembangunan yang bersepadu. Teori segi tiga 'umran ini adalah gabungan daripada asas ilmu 'umran yang terbahagi kepada tiga komponen iaitu tarikh, ijtimak Insan dan alam. Bentuk atau konsep segi tiga ini terhasil melalui tiga hubungan utama di dalam kehidupan manusia iaitu hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan 'alam. Dengan terjaganya atau tejalannya tiga hubungan ini, maka secara automatik lima kemaslahatan manusia iaitu agama, diri, akal, nasab dan harta akan terjamin serta natijah yang akan terhasil daripadanya ialah kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan sejagat.



Konsep segi tiga yang diterapkan di dalam teori umran bukan bentuk atau konsep yang dibuat-buat tetapi ia adalah konsep yang terbentuk daripada tiga hubungan utama di dalam kehidupan supaya pembangunan yang dilaksanakan mengambil kira tiga hubungan utama ini yang mana dapat menjaga kemaslahatan semua. Jika kita melihat kepada pembangunan masyarakat Barat, mereka melaksanakan pembangunan tanpa panduan Syariat Islam atau mengenyepikan Pencipta iaitu Allah Subhanahu Wata'ala. Ini jelas menunjukkan bahawa pembangunan mereka tidak akan mampu menjaga lima kemaslahatan di dalam kehidupan apalagi

<sup>6</sup> Hadith riwayat al-Hakim. Muhammad bin 'Abd Allah. (1990). *Al-Mustadrak 'ala al-sahihain*. Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiah. Jilid 1. Hlm. 172.

untuk membina kemakmuran. Masyarakat Barat belum mengetahui dan belum dapat memahami atau tidak mahu memahami teori segi tiga 'umran ini disebabkan oleh perbezaan agama. Dengan sebab itu mereka tidak memperdulikan dan memisahkan diri mereka dari teori 'umran yang berpaksikan kepada ajaran agama Islam.

Jika dilakukan perbandingan diantara teori umran dengan teori-teori moden ciptaan Barat, kita dapat melihat bahawa teori umran menjurus kepada penyatuan yang berpandukan kepada syariat Islam tetapi teori-teori barat menjurus kepada perbezaan fahaman yang berpandukan kepada akal fikiran semata-mata. Persoalan yang dapat ditimbulkan disini ialah adakah teori-teori barat mampu membentuk metodologi pembangunan Islam atau mampukah mereka membentuk konsep segi tiga yang menghubungkan tiga hubungan utama di dalam kehidupan untuk dijadikan acuan kepada pembangunan? Manusia adalah makhluk sosial yang memiliki unsur-unsur fizikal, intelektual dan spiritual yang mampu membina diri dan masyarakat serta alam sekeliling bagi mencapai kemajuan dan pembangunan. Al-Quran adalah sumber utama pembangunan islam dan manusia adalah pengamal dan pelaksana sumber tersebut bagi tujuan pembangunan untuk menghasilkan kemakmuran. Teori umran telah menyediakan suatu tapak pembangunan yang kukuh bagi mewujudkan kemakmuran secara menyeluruh untuk dijadikan sebagai acuan pembangunan. Teori Umran menitikberatkan spiritual dan fizikal serta mengambil berat peranan dan sumbangan individu dan masyarakat dalam membangunkan masyarakat dan negara. Matlamat teori umran ialah mewujudkan umat yang bersatu-padu, maju, bermoral dan berakhlak serta patuh kepada hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

### **Hubungan Falsafah MIB dengan Teori Umran**

Falsafah MIB merupakan dasar negara yang bersepadu iaitu mengambil kira kemaslahatan masyarakat bangsa melayu, sistem beraja dan Islam di dalam membina pembangunan sama ada pembangunan tersebut berbentuk rohani mahupun jasmani. MIB telah meletakkan Islam sebagai nyawa dan nadi utama yang telah membuka ruang dan peluang yang lebih luas dari segi skop dan ruanglingkupnya. Jika diamati dengan teliti, kaedah dan susunan di dalam MIB tidak mengikut urutan kronologi tetapi mengikut urutan keutamaan. Mengikut urutan kronologi, Islam seharusnya diletakkan di akhir sekali iaitu selepas B "beraja" (MBI) kerana masyarakat Melayu dan pemerintahan Beraja sudah wujud di Brunei sebelum ketibaan Islam tetapi disebabkan oleh keistimewaan Islam itu sendiri, maka Islam diletakkan atau ditempatkan di

tengah-tengah di antara Melayu dan Beraja (MIB) dan diberikan peranan untuk memperbaiki dan memperbetulkan unsur-unsur negatif yang terdapat dalam tradisi masyarakat Brunei dan sistem Beraja serta untuk menzahirkan kebesaran dan keutuhan Islam di Brunei.

Ini jelas menunjukkan bahawa Islam berfungsi dan berperanan mengawal dan memandu hala tuju MIB di dalam semua perkara termasuk di dalam aspek pembangunan. Apa yang dapat difahami ialah MIB secara tidak langsung mempunyai hubungan dengan teori umran kerana kedua-duanya sememangnya menjadikan Islam sebagai pengawal dan pemandu hala tuju supaya apa yang dilakukan tidak bercanggah dengan hukum dan peraturan Allah Subhanahu Wata'ala serta mampu mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan sejagat. Brunei sebagai sebuah negara Islam yang mengamalkan syariat Islam sewajarnya menggunakan teori umran sebagai acuan pembangunan bagi menangani isu-isu yang terjadi dan mengawal hala tuju pembangunan yang dilaksanakan demi menjaga kemaslahatan bermasyarakat dan bernegara. Pada hakikatnya, Al-Quran dapat mengawal pembangunan yang dilakukan supaya pembangunan tersebut tidak tertumpu kepada kebendaan sahaja dan dapat memberi manfaat bagi kita di dunia dan juga di akhirat. Apa yang penting ialah kita semua mesti percaya dan memahami hikmah daripada apa yang telah Allah syariatkan kepada kita di muka bumi ini iaitu percaya bahawa apa yang disyariatkan itu membawa kebaikan dan kemakmuran.

Di Brunei ada beberapa teori yang telah dikemukakan dan dilakarkan oleh para cendekiawan mengenai MIB dan fungsinya. Teori pertama melakarkan MIB di dalam bentuk bulatan yang diperkenalkan oleh Haji Duraman Bin Tuah (2011). Di dalam teori ini, beliau membahagikan MIB menjadi tiga lapisan. Lapisan pertama merupakan bahagian luar bersaiz terbesar iaitu Islam. Fungsinya ialah mengawal lapisan kedua yang bersaiz sederhana iaitu Beraja dan diikuti pula lapisan ketiga yang bersaiz paling kecil yang berada di bahagian dalam iaitu Melayu. Teori ini membei maksud bahawa segala aktiviti yang berkaitan dengan pengucapan, perancangan dan perlaksanaan mengenai kepentingan orang Melayu dari segi pemerintahan dan pentadbiran Negara Brunei Darussalam tertakluk kepada ajaran, prinsip dan nilai-nilai Islam. Manakala teori kedua pula melakarkan MIB di dalam bentuk sel hidup yang diperkenalkan oleh Pehin Haji Abdul Aziz Umar (1992). Di dalam teori ini, beliau menggambarkan MIB berada dalam tiga lapisan. Lapisan luar iaitu Beraja, lapisan tengah iaitu Melayu dan lapisan dalam iaitu Islam. Teori ini memberi maksud bahawa Beraja merupakan sel penting dalam MIB, Islam sebagai nucleus kerana tanpa nucleus MIB akan lumpuh dan tidak berfungsi. Manakala melayu bertindak sebagai protoplasm (pembekal dan



pengeluar makanan) bagi melaksanakan fungsi sistem Beraja dan Islam supaya ia mencapai objektif-objektif MIB.

Apa yang dapat kita lihat dan fahami ialah kedua-dua teori ini mengutamakan Islam dengan meletakkan Islam di posisi yang penting untuk mengawal dan memandu hala tuju masyarakat dan raja. Ini kerana mereka percaya bahawa MIB tidak akan mampu bergerak dan berfungsi secara bersepadu jika Islam diketepikan atau tidak diutamakan, apalagi untuk menjadi dasar di dalam membina pembangunan yang seimbang dan bersepadu. Keutamaan Islam di dalam MIB berkait rapat dengan teori umran yang juga mengutamakan Islam di dalam semua aspek sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial dan alam sekeliling. Tanpa Islam, teori umran juga tidak akan mampu bergerak dan berfungsi secara bersepadu apalagi untuk menjadi acuan di dalam membina pembangunan yang bersepadu.

Apa yang kita dapat sepakati diantara MIB dan teori umran ialah persamaan di dalam mengutamakan Islam kerana persamaan inilah kita cuba menerapkan pembangunan Islam melalui teori umran sebagai acuan pembangunan di Brunei. Perbezaan semestinya ada tetapi carilah persamaan terlebih dahulu kerana persamaan akan membawa kepada perpaduan dan perbezaan yang berlebihan akan membawa kepada perpecahan. Mungkin ada perbezaan yang terjadi tetapi perbezaan itu akan dapat diatasi jika melihat kepada kemaslahatan yang bersepadu. Ini jelas menunjukkan bahawa Islam mengajak semua lapisan manusia di dunia ini untuk bersatu di dalam mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan alam sejagat.

Kita akan menerangkan secara berperingkat hubungan falsafah MIB dan teori Umran yang mana perkara ini terjadi tanpa kita sedari. Kita melihat semua ini mengikut urutan keutamaan dan bukannya daripada urutan kronologi.

### **Peringkat pertama: Pembentukan**

Pembentukan rangka ini bermula daripada perkataan Melayu Islam Beraja itu sendiri secara automatik telah bertindak membentuk rajah atau rangka segi tiga. Semua ini terhasil apabila Islam diutamakan, diangkat martabatnya dan digunakan sebagai teras di dalam semua perkara untuk menjaga kemaslahatan bangsa, raja dan negara. Manakala masyarakat Melayu dan Raja diletakkan secara sejajar untuk menzahirkan dasar kerjasama dan perpaduan diantara keduanya kerana pada hakikatnya kita semua adalah hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang diamanahkan untuk memakmurkan bumi ini tetapi apa yang membezakan hanyalah peranan di antara masyarakat melayu dan Raja iaitu Raja bertindak sebagai peneraju manakala masyarakat pula

bertindak sebagai pengerak. Ini dikaitkan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah al-Baqarah ayat 138:

﴿ صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً وَنَحْنُ لَهُ عِبْدُونَ ﴾


Maksudnya: "(Agama yang disampaikan kepada nabi-nabi) ialah celupan Allah (yang telah sebatu mencorakkan hidup kami). Dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah? Dan hanya kepadaNYa kami beribadat".

Apa yang dimaksudkan disini ialah Allah Subhanahu Wata'ala sudah menyediakan acuanNya yang tersendiri yang namanya di dalam al-Quran disebut celupan Allah (صبغة الله). Acuan ini semestinya Islam dan konsepnya umum dan terbuka serta boleh digunapakai di dalam semua aspek dan bidang termasuk pembangunan kerana acuan ini sifatnya sempurna dan semestinya mampu menjaga kemaslahatan semua tidak kira agama, bangsa dan negara serta mampu mewujudkan kemakmuran sejagat yang dinamik selagi mana apa yang hendak dilakukan itu selari dengan hukum dan peraturan Allah. Inilah sebab utama raja dan masyarakat Brunei menjadikan Islam sebagai teras iaitu kepercayaan Raja dan masyarakat Brunei tentang acuan Allah yang disalurkan melalui Islam adalah sebaik-baik acuan dan akan mampu menjamin dan memelihara kemakmuran dan kesejahteraan sejagat.

Contoh: Pembangunan Nabi Muhammad SAW yang beracukan pembangunan Islam iaitu acuan yang disediakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Bukti sejarah telah banyak menunjukkan bahawa pembangunan yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW adalah bersepadu dan dasar utamanya ialah Islam. Ini kerana dengan wujudnya kemakmuran yang dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tidak kira agama, bangsa, suku kaum, warna kulit dan seumpamanya. Kemakmuran ini terhasil kerana Baginda Nabi Muhammad SAW mengutamakan Islam di dalam semua perkara dan Baginda juga meletakkan kedudukan diri baginda yang bertindak sebagai peneraju sejajar dengan kedudukan masyarakat pada masa itu yang bertindak sebagai pengerak untuk menzahirkan dasar bekerjasama dan bersatu-padu di dalam semua perkara.

Ini menunjukkan bahawa dasar negara iaitu falsafah MIB bukan falsafah kosong tetapi falsafah yang mengambil pendekatan dengan mencontohi dasar pembangunan Nabi Muhammad SAW iaitu mengutamakan nilai-nilai Islam dan falsafah ini dibentuk mengikut kesesuaian calak Brunei yang beridentitikan masyarakat Melayu Brunei dan Sistem Beraja tetapi tetap sahaja mengutamakan Islam untuk dijadikan panduan dan rujukan. Untuk lebih jelas lagi, dibawah ini dilakarkan bagaimana falsafah

MIB itu membentuk rangka konsep segi tiga mengikut urutan keutamaan dan bukannya urutan kronologi:



**Peringkat kedua: Interaksi**

Interaksi sangat diperlukan di dalam kehidupan bermasyarakat, beragama dan bernegara kerana tanpa interaksi pembangunan tidak akan mampu dibina apalagi dimajukan. Interaksi ini pelbagai sama ada melalui percakapan, perbuatan, idea dan seumpamanya. Secara tidak langsung, apabila ketiga-tiga ini (Melayu Islam Beraja) berinteraksi satu sama dengan yang lain maka terhasillah bentuk segi tiga seperti konsep yang digunapakai teori umran. Interaksi ini penting di dalam semua perkara termasuk juga falsafah kerana falsafah MIB ini menjadikan Islam sebagai nadi dan nyawanya untuk mengerakkan raja dan masyarakat Brunei. Tanpa nadi dan nyawa, MIB tidak akan mampu bergerak dan berfungsi dengan bersepadu apalagi untuk membina kemakmuran. Sebab utama keutuhan bagi kedaulatan sistem beraja di Brunei ialah apabila Sultan itu sendiri menjadikan Islam sebagai panduan dan rujukan di dalam mentadbir negara Brunei dan rakyatnya. Begitu juga dengan masyarakat di Brunei, perpaduan yang terjalin tanpa mengira agama dan bangsa ini adalah berpandukan Islam kerana melalui sistem akhlak Islam yang diterapkan telah mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan bermasyarakat.


Melalui interaksi ini, maka wujudlah satu kaedah yang bersepadu yang mana konsep segi tiga ini juga dijadikan konsep bagi teori umran. Menurut Prof. Madya Dr. Hashim Bin Haji Abdul Hamid (2003) melalui Islam di Brunei Darussalam: Satu analisis Sosio-Budaya, beliau juga melihat MIB dalam rajah bersepadu iaitu segi tiga. Beliau berpendapat bahawa konsep Melayu Islam Beraja itu satu komponen bersepadu tetapi Islam mempunyai kedudukan utama dan seterusnya berposisi sebagai pengimbang kepada unsur kebangsaan dan kepimpinan. Kedudukan Islam dalam gambar rajah segi tiga yang beliau lakarkan menunjukkan bahawa Islam itu lambang dan motto dan dipraktikkan sebagai unsur pemutus dasar dan amalan dalam semua kegiatan. Melalui kaedah bersepadu inilah falsafah MIB mempunyai hubungannya dengan teori umran iaitu tidak mengabaikan hubungan manusia dengan Allah (Islam) dan hubungan manusia dengan manusia (masyarakat Melayu dan raja) serta

hubungan manusia dengan alam (Negara Brunei). Dengan terjalannya tiga hubungan ini, maka kemaslahatan raja dan semua lapisan masyarakat tidak kira bangsa dan agama akan terjamin.

Dengan menjadikan teori umran sebagai acuan adalah dilihat bersesuaian kerana falsafah MIB dan teori umran sememangnya mengutamakan Islam di dalam semua perkara demi menjaga kemaslahatan semua. Falsafah MIB tidak dapat berfungsi tanpa Islam, begitu juga dengan teori umran kerana keduanya menjadikan Islam sebagai nadi utama di dalam mengerakkannya. Penerapan teori umran yang bertindak sebagai acuan sama sekali tidak menggugat falsafah MIB itu sendiri malah menguatkan lagi falsafah MIB yang bertindak sebagai dasar negara. Di dalam konteks teori umran, konsep segi tiga yang digunakan untuk MIB ini bertindak sebagai kaedah yang menunjukkan bahawa Islam yang ada di dalam falsafah MIB itu diutamakan dan diletakkan diatas sekali yang bertindak sebagai pengawal, pemandu dan pelindung kepada raja dan rakyat Brunei secara khususnya dan negara Brunei secara amnya.

Contoh: Interaksi yang diterapkan oleh Nabi Muhammad SAW kepada masyarakat pada zaman Baginda sangat bersepadu. Ini kerana baginda Nabi Muhammad SAW berinteraksi dengan mengutamakan Islam di dalam setiap tindak-tanduknya yang akhirnya menghasilkan atau mewujudkan ketaatan dan kepatuhan kepada Allah, prinsip taat-setia kepada Nabi dan perpaduan di kalangan masyarakat pada ketika itu. Ini menunjukkan bahawa interaksi yang wujud di dalam falsafah MIB yang mengutamakan Islam sememangnya mampu mewujudkan ketaatan dan kecintaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Nabi utusanNya, keadilan raja kepada rakyatnya, taat-setia rakyat kepada raja, kerjasama dikalangan raja dengan rakyat serta kerjasama diantara rakyat dengan rakyat yang akhirnya mewujudkan kesepaduan diantara raja dan rakyat.

Untuk lebih jelas lagi, digambarkan rajah untuk melihat interaksi yang terjalin di dalam falsafah MIB yang membentuk konsep segi tiga yang mampu mewujudkan dasar negara yang bersepadu:



### Peringkat ketiga: Jaminan

Jaminan yang dimaksudkan disini lebih menjurus kepada natijah daripada pelaksanaan falsafah MIB beracukan teori 'umran yang mengutamakan Islam di dalam semua perkara dan interaksi yang wujud diantara rakyat, raja dan Islam. Falsafah MIB merupakan falsafah yang saling lengkap melengkapi antara satu dengan yang lain yang perlu disadari dan dihayati oleh generasi muda dan generasi yang akan datang. Ini kerana generasi muda dan generasi yang akan datang merupakan penerus kepada pengukuhan falsafah MIB ini untuk digunakan di dalam semua aspek dan bidang. Tujuan utama falsafah MIB ini diwujudkan ialah untuk menjadi dasar yang bertindak sebagai penyelamat bangsa dan negara serta ugama iaitu dalam kata lain boleh diertikan sebagai tempat kembali atau berpaut jika tersesat.

Pendekatan falsafah MIB yang diterapkan melalui teori 'umran akan dapat menzahirkan dasar saling hormat-menghormati, memelihara perhubungan persahabatan dikalangan antarabangsa, kedaulatan dan keutuhan wilayah serta perpaduan sejagat yang akhirnya memberi jaminan ketenteraman dan keselamatan bernegara serta jaminan kebajikan dan kebahagiaan rakyat. Ini semua adalah jaminan atau natijah daripada falsafah MIB yang mengutamakan Islam iaitu rakyat dan raja berpegang teguh kepada Islam. Jaminan keamanan dan kesejahteraan yang wujud sehingga sekarang ini adalah hasil daripada kesatuan rakyat dan raja yang mendukung Islam di dalam semua tindak-tanduk mereka. Tanpa Islam, jaminan kesejahteraan dan keamanan ini tidak akan wujud kerana pemberi keamanan dan kesejahteraan ialah Allah Subhanahu Wata'ala. Bagaimana sesebuah negara itu boleh dikatakan aman, damai dan sejahtera jika mereka mengabaikan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Ini jelas menunjukkan bahawa sebuah negara yang membangun belum pasti di dalamnya wujud keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan tetapi sebuah negara yang aman makmur pasti wujud di dalamnya sebuah negara yang membangun.

Contoh; Semua ini telah dibuktikan oleh Nabi kita Muhammad SAW sendiri iaitu melalui keamanan dan kesejahteraan bernegara, berbangsa dan beragama pada ketika itu. Ini semua terjadi kerana Baginda mengutamakan Islam dan menerapkan nilai-nilai Islam di dalam semua aspek iaitu menjaga dan memelihara hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Manakala hasil daripada itu, Allah Subhanahu Wata'ala telah memberi jaminan keamanan dan kesejahteraan yang mana keamanan dan kesejahteraan itu wujud sehingga sekarang ini. Kesejahteraan dan keamanan ini telah menunjukkan bahawa baginda sememangnya sudah mewujudkan sebuah negara yang membangun sama ada dari segi rohani mahupun jasmani.

Falsafah MIB yang mengutamakan Islam berperanan sebagai dasar negara telah diberi jaminan oleh Allah Subhanahu Wata'ala iaitu Islam bertindak sebagai pengawal, pemandu dan pelindung kepada raja dan rakyat di dalam semua aspek yang mana secara perlahan-lahan telah mewujudkan ketaatan dan kecintaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Nabi utusanNya, keadilan raja kepada rakyatnya, taat-setia rakyat kepada raja, perpaduan dikalangan rakyat yang akhirnya menghasilkan natijah yang besar seperti natijah yang dinyatakan di dalam teori 'umran iaitu kemakmuran dan kesejahteraan bernegara, berbangsa dan beragama bagi semua lapisan rakyat dan negara. Semua ini adalah berkat daripada falsafah MIB yang diterapkan melalui nilai-nilai Islam iaitu menjaga hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala di dalam semua aspek dan bidang sama ada politik, ekonomi dan sosial. Ini bersesuaian dengan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi di dalam bukunya sunan at-Tirmidzi:


عبدالله بن عباس رضي الله عنهما قال : كنت خلف النبي صلى الله عليه وسلم يومان فقال : يا غلام، إني أعلمك كلمات، احفظ الله يحفظك، احفظ الله تجده تجاهك، إذا سألت فسال الله، وإذا استعنت فاستعن بالله، واعلم أن الأمة لو اجتمعت على أن ينفعوك بشيء لم ينفعوك إلا بشيء قد كتبه الله لك، وإن اجتمعوا على أن يضروك بشيء لم يضروك إلا بشيء قد كتبه الله عليك، رفعت الأقلام وجفت الصحف<sup>7</sup>.

Maksudnya: "Dari Abul Abbas Abdullah bin Abbas Rhadiallahu 'anhuma ia berkata : Saya pernah di belakang Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa Sallam pada suatu hari. Kemudian Baginda bersabda : Wahai anak! Saya ajarkan kepadamu beberapa ayat : Jagalah Allah niscaya Allah akan menjagamu, jagalah Allah niscaya engkau mendapatinYa di depanmu, ketika engkau memohon maka memohonlah kepada Allah, dan jika engkau meminta pertolongan maka memintalah pertolongan kepada Allah, dan ketahuilah bahawa seandainya umat bersatu untuk memberikan manfaat kepadamu dengan sesuatu, niscaya mereka tidak sanggup memberikan manfaat kepadamu kecuali dengan sesuatu yang telah ditentukan Allah kepadamu. Dan jika mereka bersatu untuk mencelakakanmu dengan sesuatu, niscaya mereka tidak sanggup mencelakakanmu kecuali dengan sesuatu

<sup>7</sup> At-Tirmidzi. Isa Bin Saurah. (1423H/2002M). *Sunan At-Tirmidzi*. Beirut: Dar El-Marefah. No. Hadith: 2516. Hlm. 983. (Hasan Sahih).

yang telah ditentukan Allah kepadamu.  
Telah diangkat pena dan tinta telah kering”.

Untuk lebih jelas lagi, dilakarkan rajah bagi natijah daripada pembentukan MIB beracuankan Islam melalui teori ‘umran yang mengutamakan nilai-nilai Islam dan interaksi raja dan masyarakat Brunei dengan Islam iaitu tidak mengabaikan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata’ala, maka jaminan yang Allah berikan kepada bumi Brunei ialah keamanan, kesatuan, kesepaduan, ketaatan, kesejahteraan dan kemakmuran.



### Kesimpulan

Kesinambungan yang terdapat di dalam falsafah Melayu Islam Beraja telah menjadikan MIB ini sifatnya universal, unik, dinamik dan bersepadu. Peranan falsafah MIB sebagai dasar negara sememangnya mampu mewujudkan pembangunan bersepadu yang bersesuaian dengan identiti calak kebruneian dan sistem pemerintahan beraja serta tidak bercanggah dengan hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata’ala. Penerapan Islam yang begitu padu dan tinggi di dalam falsafah ini mampu menentukan hala tuju Brunei untuk menjadi sebuah negara zikir iaitu mengimbangi di antara duniawi dan ukhrawi serta mampu mewujudkan kesepakatan dan kesepaduan di antara raja dan rakyat. Penerapan falsafah MIB di dalam semua aspek dan bidang adalah satu langkah bijak yang dibuat oleh kerajaan Brunei untuk memastikan lagi pembangunan yang dilaksanakan itu seimbang dan tidak bercanggah dengan hukum dan peraturan Allah Subhanahu Wata’ala. Falsafah MIB yang bertindak sebagai dasar negara dan teori umran sebagai acuan pembangunan negara akan dapat mengukuhkan lagi peranan MIB itu sendiri dan dapat menzahirkan lagi nilai-nilai Islam yang sebenar, mengekalkan jati diri dan calak identiti kebruneian serta keutuhan sistem pemerintahan beraja. Pengukuhan MIB yang beracuankan Islam melalui teori umran mestilah disemai dan ditanai bersama-sama oleh semua lapisan masyarakat terutama generasi yang akan datang bagi meraih keredhaan yang hakiki daripada Allah Subhanahu Wata’ala untuk di dunia mahupun di akhirat.

### Bibliografi

- Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya* (1435/2014). Brunei: Pusat Da’wah Islamiah.
- Al-Bukhari. Muhammad bin Ismail. (2012). *Sahih al-Bukhari..* Jordan: Bait Afkar Al Dawliyyah.
- At-Tirmidzi. Isa Bin Saurah. (1423/2002). *Sunan At-Tirmidzi*. Beirut: Dar El-Marefah.
- Abd al-Sallam Harun. (1960-1961). *Al-Mu’jam al-Wasit*. JAMINAN Majma’ al-Lughah al Arabiyyah. Jilid 2.
- Ibn Khaldun. Abd Rahman. (1993). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Katsir. Ismail bin Umar bin Kasir. (2004). *al-Bidayah wan-Nihayah*. Jordan: Bait Afkar al-Dawliyyah.
- Muhammad al-Ghazali. (1428/2008). *Fiqh Sirah*. Al-Iskandariah: Dar al-Da’wah.
- Muhammad al-Ghazali.. (1428/2007). *Khulku al-Muslim*. Damsyik: Dar al-Kalam.
- Muhammad bin Abd Wahab. (1418). *Mukhtasar Sirah ar-Rasul*. Saudi Arabia: wizarah shu-uni al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da’wah wa al-Irsyad.
- Al-Buthi. Muhammad Sa’id Ramadhan. (1435/2014). *Fiqh Sirah An-Nabawiyah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Mahayudin bin Haji Yahaia. (2014). *Teori Umran Ibn Khaldun*. Brunei: Pusat Da’wah Islamiah.
- Mahayudin bin Haji Yahaia.. (2013). *Umran Alam Wadah Pembangunan Ummah*. Brunei: Unissa Press.
- Mahayudin bin Haji Yahaia. Jilid 1 (2015) & Jilid 2 (2016). *Ensiklopedia Negara Zikir*. Brunei: Unissa Press.
- Mahayudin bin Haji Yahaia. (2016). *Teori Pembangunan Moden Dan ‘Umran: Suatu Kajian Perbandingan Ke Arah Kemakmuran Negara*. Unissa: ICON IMAD.
- Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Mohd. Jamil Al-Sufri. (2001). *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Brunei: Pusat Sejarah Brunei.
- Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd Zain bin Haji serudin. (2013). *Anugerah kefahaman Melayu Islam Beraja*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . Hashim Bin Haji Abdul Hamid. (2003). *Islam di Brunei Darussalam: Satu analisis Sosio-Budaya*. Brunei: Jabatan kesusteraan Melayu UBD.
- Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh. (1437/2016). *Raja Berdaulat Negara Berkat*. Brunei: Pusat Da’wah Islamiah.
- Danial Zainal Abidin. (2009). *7 Formula Individu Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn. Bhd.

*Dasar dan Strategi Pembangunan Negara Zikir.*  
(2015). Brunei: Unissa Press.  
*Menghayati Pemahaman Melayu Islam Beraja.*  
(2016). Brunei: Unissa Press.